



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



CONGKAK

1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 ALATAN DAN GELANGGANG

- 2.1 Papan congkak yang mengandungi sekampung **tujuh (7)** rumah anak serta **satu (1)** rumah ibu.

3.0 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap kontinen hendaklah mendaftarkan **satu (1)** pasukan yang mengandungi daripada **lima (5)** orang pemain wanita. Pasukan juga dibenarkan mendaftar **seorang (1)** pemain simpanan dan **seorang (1)** orang pegawai/jurulatih.
- 3.2 Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.3 Hanya peserta berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.4 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.
- 3.5 Sekurang-kurangnya **tiga puluh (30)** minit sebelum bermulanya perlawanan tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama pemain kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan menggunakan borang yang telah disediakan.
- 3.6 Peserta yang sedang bermain dilarang meninggalkan permainan tanpa izin pengadilperlawanan.
- 3.7 Dalam keadaan tertentu dimana tidak dinyatakan dalam undang-undang kejohanan ini terdapat sebarang kekeliruan dan masalah, maka keputusan daripada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah dikira **MUKTAMAD**.
- 3.8 Kedudukan pemain hendaklah mengikuti susunan **Borang Pendaftaran Pemain**.
- 3.9 Susunan / pemain boleh berubah mengikut setiap pelawanan dijalankan.

4.0 PERATURAN DAN CARA PERTANDINGAN

4.1 **Dua (2) orang peserta berhadapan**

- 4.1.1 Dua (2) orang peserta berhadapan.
- 4.1.2 Permainan dijalankan dalam lima (5) papan serentak dan pemenang akan di tentukan berdasarkan bilangan papan yang dimenangi lebih daripada perlawanan.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



CONGKAK

4.1.3 Setelah diberi aba-aba:

4.1.3.1 Mula permainan dengan mengambil semua cakak dari mana-mana rumah anak di kampung sendiri;kemudian

4.1.3.2 Menapak dari kanan ke kiri;lalu

4.1.3.3 Masukkan cakak satu demi satu butir, kedalam tiap rumah; dengan

4.1.3.4 Mengelilingi kampung rumah papan congkak;dalam

4.1.3.5 Keadaan tangan genggam terngadah;ikut

4.1.3.6 Giliran jalan/menapak

4.1.4 Boleh memintas, Langkau atau layar adalah ditegah. Apabila tiap tiba di rumah ibu sendiri hendaklah dimasukkan juga satu (1) butir cakak; tetapi tidak di rumah ibu lawan. Cakak yang masuk ke rumah ibu lawan adalah menjadi kepunyaanlawan.

4.1.5 Cakak terakhir masuk ke rumah isi mestilah dilepaskan genggaman dulu, sebelum mengambil cakak kembali menapak.

4.1.6 Peserta mati giliran jalan/menapak ialah jika cakak akhir masuk kemana-mana rumah kosong. Peserta lawan akan mendapat giliranjalan.

4.1.7 Jika naik rumah maka peserta hidup, boleh meneruskan jalansemula.

4.1.8 Hanya boleh tikam setelah melalui kampung lawan. Tikam layar adalah ditegah.

4.1.9 Setiap sentuhan cakak mesti dimulakan jalan. **Masa diberikan hanya lima (5)saat.**

4.1.10 Tiada rumah terbakar di dalam pertandingan.

4.2 Penentuan Kemenangan

4.2.1 Menang tapak (pihak lawan telah ketiadaan cakak di rumah anak) tiap papan. (Ditentukan pemenang adalah cakak terakhir di masukan ke rumah).

4.2.2 Menang dua (2)papan.

4.2.3 Pihak lawan membuat tiga (3) kali kesalahan serupa, atau dibuang gelanggang.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



CONGKAK

4.3 Format Pertandingan:

4.3.1 Susunan format pertandingan adalah seperti berikut:

- i. Pemain wanita 1 bertemu Wanita1
- ii. Pemain wanita 2 bertemu Wanita2
- iii. Pemain wanita 3 bertemu Wanita3
- iv. Pemain wanita 4 bertemu Wanita4
- v. Pemain wanita 5 bertemu Wanita5

5.0 PENILAIAN PERMAINAN DAN PEMBERIAN MATA

5.1 Permainan mengikut pola ‘Menang Tapak’;

5.2 ‘Pemain Menang’ ialah yang menang dua papan;

5.3 ‘Pasukan Menang’ ialah yang mengalahkan ramai – tidak kurang tiga pemain lawan

5.4 Pemberian mata untuk berpasukan adalah seperti berikut:

❖ Menang	-	3 mata
❖ Kalah	-	0 mata

6.0 CARA PERTANDINGAN

6.1 Kejohanan ini adalah di antara pasukan.

6.2 Semua pasukan yang mengambil bahagian akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan A dan B. Pasukan akan diundi untuk menentukan kumpulan mereka.

6.3 Semua perlawanan di peringkat awal akan dijalankan secara liga kumpulan. Semua permainan hendaklah dijalankan sehingga tamat.

6.4 Peringkat awal pertandingan akan dijalankan secara liga 4 kumpulan.

6.5 Dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke peringkat suku akhir.

6.6 Perlawanan peringkat suku akhir dan separuh akhir dijalankan secara kalah singkir.

7.0 HUKUMAN DAN LARANGAN

7.1 Satu Kesalahan:

- 7.1.1 Mendepani aba-aba menapak jalan serampak;
- 7.1.2 Bermain dengan genggam terlungkup;
- 7.1.3 Tidak masukkan cakak ke rumah ibu atau rumah anak;
- 7.1.4 Sentuhan cakak yang tidakberjalan/menapak;.
- 7.1.5 Dikira berfikir lebih lima (5)saat;



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



CONGKAK

- 7.1.6 Cakak akhir digenggam tidak dilepaskan sebelum mengambil bawa cakak yang baru;
- 7.1.7 Masukkan cakak di mana-mana rumah anak dan ibu lebih dari satu (1) butir.

7.2 Pemain-pemain yang diberi Amaran Buang Gelanggang:

- 7.2.1 Penggunaan kad hijau, kuning dan merah akan digunakan sepanjang kejohanan:-
 - a) Mana-mana pemain yang melanggar atau melakukan kesalahan seperti di 2.3.1 akan menerima kad hijau bagi kesalahan pertama, kad kuning bagi kesalahan kedua dan kad merah bagi kesalahan ketiga.
 - b) Pemain yang menerima kad merah akan dibuang gelanggang dan tidak dibenarkan meneruskan permainan bagi perlawanan/set tersebut sahaja dan pihak lawan akan diisyiharkan pemenang set tersebut.
 - c) Perlawanan set seterusnya akan diteruskan. Jika pemain menerima sekali lagi kad merah, permainan akan ditamatkan dan pihak lawan akan diisyiharkan pemenang dalam perlawanan mereka berdua.

8.0 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

- 8.1. Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa.

9.0 PENGADIL

- 9.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para Pengadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.

- 9.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

10.0 DISIPLIN PASUKAN

- 10.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 10.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung di dalam Peraturan Am.

11.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 11.1 Sebagaimana terkandung di dalam Peraturan Am Perkara 18.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



CONGKAK

12.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURIRAYUAN

12.1 Sila rujuk Peraturan Am Perkara 22, Perkara 23 dan Perkara 24.

13.0 JADUALPERLAWANAN

13.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

14.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

14.1 Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12.

15.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	CIK HALINA BT. HJ YUSOF
Jawatan	:	PENGURUS PERTANDINGAN CONGKAK
No. H/P	:	012-5055809
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	TIMBALAN PENGURUS PERTANDINGAN CONGKAK
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	SETIAUSAHA PERTANDINGAN CONGKAK
No. H/P	:	
emel	:	